

21/03/2001

Pas sengaja berhelah elak pertemuan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pas sengaja menggunakan pelbagai helah untuk mengelak daripada mengadakan pertemuan dengan Umno bagi membincangkan perpaduan Melayu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata, jika Pas benar-benar mahu mengadakan perbincangan itu, parti pembangkang itu tidak sepatutnya menetapkan pelbagai syarat sebelum bersetuju mengadakan pertemuan.

Beliau yang menemui Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor di Parlimen semalam menjelaskan, pertemuan antara Pas dengan Umno boleh diadakan di mana saja dan ia tidak memerlukan masa yang lama.

"Semalam saja jumpa dia (Fadzil) di Parlimen dan bersalam dengan dia. Saya ajak dia berbincang tapi dia tak nak. Bukan nak ada banyak, cuma empat perkara yang ada dalam Perlembagaan.

"Berkenaan perkara ini, kita anggap ia tanggungjawab semua orang Melayu bukannya tanggungjawab Pas, Umno dan Keadilan. Ini adalah peruntukan dalam Perlembagaan yang menjamin kedudukan orang Melayu. Patutlah kita pertahan kalau ada sesiapa cuba nak cabar ini ... nak buang peruntukan ini.

"Itu saja ... nak cakap pasal itu saya ingat lima minit selesai ... no problem," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar mengenai kewibawaan perniagaan, di Hotel Nikko, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kelewatan dalam mengadakan perbincangan itu dan tuntutan Pas agar Umno memenuhi dulu tiga syaratnya sebelum perbincangan itu dapat diadakan.

Pas bersetuju meneruskan pertemuan peringkat jawatankuasa teknikal kedua-dua parti pada 27 Mac ini tetapi mahu Umno memenuhi tiga syarat, iaitu mengembalikan royalti minyak kepada Kerajaan Terengganu, membenarkan penerbitan dua kali seminggu akhbar rasmi parti itu, Harakah, dan menolak cadangan menggugurkan perkataan 'Islam' daripada nama pertubuhan, termasuk parti politik.

Perdana Menteri percaya satu daripada sebab kenapa Pas cuba mengelak perbincangan itu ialah tanggapan kononnya mereka mendapat sokongan kebanyakan pengundi Melayu.

Beliau berkata, langkah Pas seterusnya ialah cuba mendapatkan sokongan pengundi Cina dan bagi mencapai matlamat itu, mereka cuba menggambarkan Umno sebagai anti-Cina.

"Itulah sebabnya Pas mahu berbincang mengenai perpaduan nasional dan kita mahu berbincang mengenai perpaduan Melayu. Pas mahu membincangkan soal perpaduan nasional untuk menunjukkan kononnya ia mengambil berat kaum lain.

"Malah, mereka sebut dalam Internet bahawa jika Umno mahu bunuh Cina, mereka akan pertahankan Cina. Bila pula Umno bercakap untuk bunuh Cina.

"Tetapi mereka beri gambaran dalam Internet dan Harakah seolah-olah kita mahu bunuh Cina ... sekarang mereka sudah padamkannya daripada Internet tetapi kita telah buat salinannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, berbanding Pas, Umno telah lama bekerjasama dengan orang Cina sehingga ia dianggap sebagai "kafir".

Bagaimanapun, katanya, Umno masih sanggup menunggu selama manapun untuk berbincang dengan Pas.

"Dalam kes tertentu, kita lupakan parti kita, utama kepentingan bersama, kepentingan Melayu, pertahankan apa yang terkandung dalam perlembagaan," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, Umno berpendirian terbuka mengenai

perkara itu kerana perbincangan berkenaan penting untuk perpaduan.

"Saya tak suka nak kata, tetapi pada dasarnya, saya berpendapat ini akan dijadikan satu lagi alasan oleh Pas untuk mengelak daripada berjumpa dengan kita.

"Pada dasarnya, saya fikir Pas tidak mahu berjumpa kita untuk berbincang," katanya.

Beliau menjelaskan, empat perkara yang terkandung dalam Perlembagaan dan mahu dibincangkan oleh Umno itu adalah tanggungjawab semua orang Melayu dan tidak terhad kepada Pas, Umno atau Parti Keadilan Nasional saja.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai kenyataan Fadzil bahawa hubungan Pas-Umno yang "kian pulih" sejak jawatankuasa teknikal itu bertemu, akan terjejas jika Umno membenarkan Majlis Fatwa Kebangsaan meneruskan usaha menggugurkan perkataan Islam pada pertubuhan politik.

"Itu sudah dijangkakan (kerana) mereka adalah pembangkang. Tetapi fikirlah, dalam masyarakat Islam hari ini, orang terkeliru. Pas mendakwa Pas adalah Islam, Islam adalah Pas ...(ini) bertentangan dengan ajaran Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerana Pas menggunakan perkataan Islam, orang menganggap ia betul.

"Jika saya mengundi Pas, saya masuk syurga. Itulah dakwaan mereka. Kenapa? Kerana mereka ada perkataan Islam dalam parti mereka. Orang kini keliru mengenai apa itu agama Islam," katanya.

Kenyataan Fadzil itu dibuat berikutan laporan bahawa majlis itu mengemukakan cadangan kepada Majlis Raja-raja mengenai penggunaan perkataan "Islam" oleh parti politik dan pertubuhan lain di negara ini.

(END)